

IADA tidak lepas tangan

Isu kunci air gagal berfungsi

Sediakan peruntukan segera bina benteng sementara

KUALA SELANGOR

- Pengurusan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor tidak lepas tangan dalam menyelesaikan masalah kunci air baru yang gagal berfungsi akibat ditimbus pasir di Jeti Parit Tiga, Sungai Burong sejak tiga bulan lalu.

Pengarahnya, Elias Saad menjelaskan, pihaknya mengeluarkan peruntukan kecemasan atas kerja-kerja bencana bagi membina benteng sementara di tepi kunci air yang baru bagi mengatasi lambakan pasir yang semakin menutup kawasan sungai itu.

"Bahagian Kejuruteraan IADA Barat Laut Selangor turut berbincang dengan Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Selangor bagi menyelesaikan masalah ini melalui kerja pembinaan benteng sementara terlebih dahulu sebelum permohonan peruntuk-



ELIYAS

an lain dapat dibuat.

"Sebelum ini, saya bersama jurutera IADA Barat Laut Selangor juga mengadakan perbincangan bersama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor bagi mencari jalan terbaik untuk mengatasi hakisan pantai di kawasan itu," katanya.

Sebelum ini, lebih 30 nelayan di Jeti Parit Tiga, Sungai Burong kesal dengan tindakan kontraktor yang mengetepikan pandangan dan cadangan



Eliyas (tengah) meninjau kawasan benteng yang akan dibina pengadang sementara.

mereka untuk tidak menutup saluran air keluar sedia ada kerana bakal menimbulkan risiko kepada sungai itu.

Wakil nelayan, Ismail Roslan, 42, berkata, pihaknya

kesal cadangan nelayan yang mahu projek kunci air yang baru berfungsi lebih baik tidak dipandang langsung, bahkan projek bernilai hampir RM500,000 itu tidak boleh

berfungsi sempurna.

"Apabila saluran air asal itu ditutup dan dibuat saluran baru menyebabkan sungai sedia ada cetek manakala benteng pasir semakin hari semakin ter-

hakis sehingga menenggelamkan keseluruhan pintu kunci air di bahagian sebelah sungai," katanya.

Seorang lagi nelayan, Saiful Bahrin Ab Khair, 43, berkata, sekarang ini kemudahan kunci air itu bukan mahu membantu memudahkan kerja nelayan tetapi memburukkan keadaan apabila terpaksa menanggung kos kerosakan enjin kipas yang bernilai ratusan ringgit.

"Kami bukannya banyak duit untuk beli kipas enjin yang baru setiap kali rosak dan keadaan sungai cetek juga menyebabkan nelayan terpaksa menolak sampan mereka sejauh 100 meter untuk ke jeti.

"Pendapatan kami yang dahulu boleh mencapai RM50 sehari kini menjadi serendah RM20 sahaja, memang tidak cukup untuk menyara keluarga lebih-lebih terpaksa berdepan dengan kenaikan harga barang runcit," katanya.